The current issue and full text archive of this journal is available at
http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat

Pemikiran Kritis Islam: Analisis Terhadap Istilah-istilah Berkaitan Dalam al-Quran

Analisis Nas

Islamic Critical Thinking: An Analysis on the Related Quranic Terms

130

NORAINI JUNOH
(Corresponding Author)
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak
Terengganu
jannahadnin@yahoo.com

ABDUL MANAM MOHAMAD
Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak Terengganu
abdulmanan@unisza.edu.my

Submitted: 26 June 2019
Revised: 31 October 2019
Accepted: 31 October 2019
E-Published: 29 April 2020

ABSTRAK

Bidang pemikiran kritis bukanlah suatu bidang yang asing dalam pemikiran Islam dan sifatnya yang sejagat turut berkait dengan petunjuk al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji konsep pemikiran kritis Islam dan menganalisis istilah-istilah berkaitan yang digunakan dalam al-Quran. Kaedah kepustakaan berdasarkan kajian kualitatif melalui reka bentuk analisis kandungan digunakan sepenuhnya dalam proses pengumpulan dan penganalisisan data. Data kajian diperoleh daripada karya-karya utama ahli falsafah, ahli psikologi dan saintis Islam khususnya yang banyak terlibat dengan kajian bidang kognitif. Kerangka konseptual dibentuk dan dimantapkan menggunakan kaedah analisis tekstual deskriptif. Daripada analisis dokumen tersebut, konsep pemikiran kritis Islam dan istilah-istilah berkaitan dalam al-Quran dihurai secara terperinci agar dapat difahami dengan sebaiknya tentang pemikiran kritis, khususnya yang bersumberkan al-Quran. Hasil kajian mendapati, konsep pemikiran kritis Islam bukanlah berasaskan aktiviti minda secara mudah semata-mata tetapi berfikir kritis adalah usaha menganalisis (*tafqih*), menyelidiki dan mengkaji (*ta'qil*), merenung (*tafakkur*), memahami (*tafahhum*), merumus (*tadhakkur*) dan menilai (*tadabbur*) alam ini secara mendalam dan menyeluruh. Aktiviti minda ini menjadi asas kepada hubungan antara manusia dengan Tuhan, manusia sesama manusia dan manusia dengan makhluk lain.

Kata Kunci: Pemikiran Kritis Islam, Istilah-istilah, al-Quran, *Tafqih, Tafakkur, Tafahhum, Ta'qil, Tadabbur, Tadhakkur*

The current issue and full text archive of this journal is available at
http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat

ABSTRACT

The element of critical thinking is not an uncommon field in Islamic thinking and its universal nature is linked to the guidance of the Qur'an and Sunnah. Therefore, this study aimed to examine the concept of Islamic critical thinking and analyze the related terms used in the Qur'an. This qualitative research which encompasses library sources and readings the main work of philosophers, psychologists and scientists of Islam, particularly those who are involved in the field of cognitive studies in acquiring data, used a content analysis method in analysing those data. Conceptual frameworks were formed and enhanced using descriptive textual analysis method. From the analysis of the documents, the concept of Islamic critical thinking and the related terms in the Qur'an are described in detail to clearly understand critical thinking, especially those that are based on the Qur'an. The present study found that the concept of Islamic critical thinking is not based solely on the activities of the mind alone but thinking critically is an attempt to analyze (*tafqih*), to investigate and research (*ta'qil*), to reflect (*tafakkur*), to understand (*tafahhum*), to formulate (*tadhakkur*) and to evaluate (*tadabbur*) this universe thoroughly and comprehensively. These activities of the mind are the basis of the relationship between man and God, man and fellow human beings, and man and other beings.

Keywords: Islamic Critical Thinking, Terms, Qur'an, *Tafqih, Tafakkur, Tafahhum, Ta'qil, Tadabbur, Tadhakkur*

PENGENALAN

Pemikiran kritis merupakan alat intelektual yang sangat penting bagi seseorang untuk menyusun hujah, menilai kredibiliti sumber, menganalisis andaian atau membuat keputusan dalam pelbagai konteks. Ia juga telah diterima sebagai satu strategi pedagogi yang tersendiri dan dipercayai boleh menyokong pendekatan untuk belajar dalam semua bidang kurikulum (Maria Salih, 2013). Para sarjana khususnya bidang pendidikan telah menunjukkan minat yang besar dalam pemikiran kritis namun kebanyakan konsep pemikiran merujuk kepada perspektif Barat (Lim Kim Hui, 2009). Walhal, Islam telah mengemukakan asas dan kerangka pemikiran kritis yang sangat kuat daripada sumber wahyu. Penekanan al-Quran terhadap pemikiran kritis boleh dilihat berdasarkan ayat-ayat yang menggesa umatnya melakukan kontemplasi dan pemikiran yang baik, bantahan kepada taklid dan mencari kepastian serta bersikap objektif.

Oleh itu, penting bagi umat Islam untuk membina kerangka pemikiran kritis Islam yang selari dengan wahyu Allah SWT. Penelitian ini merupakan sebahagian usaha yang dilakukan untuk menyumbang ke arah ini melalui perbahasan tentang elemen utama pemikiran kritis Islam daripada sumber utama, iaitu al-Quran. Ia bermula dengan penjelasan secara ringkas tentang definisi pemikiran kritis dari sudut bahasa, diikuti definisi oleh sarjana-sarjana Islam, seterusnya menerangkan istilah-istilah pemikiran kritis dalam al-Quran.

The current issue and full text archive of this journal is available at
http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat

DEFINISI PEMIKIRAN KRITIS ISLAM

Ramai dalam kalangan sarjana Islam mahupun Barat telah mengkonsepkan pemikiran kritis dalam pemahaman mereka berdasarkan bidang masing-masing. Namun, tajuk ini hanya membincangkan definisi pemikiran kritis daripada sudut bahasa dan pandangan sarjana Islam yang terkemuka khususnya dalam bidang pemikiran Islam.

Daripada Sudut Bahasa

Dalam bahasa Melayu, frasa 'pemikiran kritis' terdiri daripada gabungan dua perkataan iaitu 'pemikiran' dan 'kritis'. Istilah 'pemikiran' bermaksud perihal berfikir (memikir) (*Kamus Dewan*, 1994: 352). Istilah ini merupakan salah satu kata terbitan daripada perkataan 'fikir' yang bermaksud ingatan, angan-angan, akal; daya atau keupayaan (untuk) berfikir; dan anggapan, pendapat, sangka kira (*Kamus Dewan*, 1994: 351). Manakala perkataan 'kritis' diertikan sebagai tidak begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu (menimbang baik buruknya terlebih dahulu, bersifat mengkritik (tidak menerima sesuatu bulat-bulat) (*Kamus Dewan*, 1994: 351). Dari sudut bahasa sepertimana yang dinyatakan dalam Kamus Dewan, pemikiran kritis bermaksud keupayaan dan tanggapan akal atau minda seseorang untuk mengenal pasti segala keburukan dan kebaikan yang terdapat dalam sesuatu maklumat atau isu.

Istilah 'pemikiran kritis' dalam bahasa Inggeris pula dinyatakan sebagai '*critical thinking*', yang terdiri daripada dua perkataan iaitu '*critical*' dan '*thinking*'. Perkataan '*critical*' berasal daripada perkataan '*critic*' yang bermaksud membuat atau melibatkan teguran atau mengongkong atau penghakiman '*making or involving adverse or censorious comment or judgments*' atau mahir pada atau terlibat dalam kritikan '*skillful at or engaged in criticism*' (*The Concise Oxford Dictionary*, 1990: 275). Perkataan '*thinking*' pula berasal daripada istilah '*think*' yang bermaksud fikir, ingat, rasa dan pendapat '*to have a idea or opinion about*' atau berfikir, mengingat, mencadangkan, membayangkan dan menjangka '*to use your mind to consider*', '*to remember*', '*to intend or plan to do*', '*to form or imagine an idea*' dan '*to expect*' (*New Oxford*, 2007: 808). Sehubungan itu, istilah '*thinking*' bermaksud '*using your mind to think about or idea or opinion*' dan '*intelligent and using your mind to think about important subjects*' (*New Oxford*, 2007: 808). Dengan kata lain, pemikiran adalah hasil daripada kegiatan berfikir yang terdapat dalam otak manusia atau apa sahaja yang berlaku dalam minda manusia. Maka, *critical thinking* bermaksud segala kegiatan berfikir hasil daripada kritikan, teguran, kongkongan, penghakiman dan seumpamanya.

Dalam bahasa Arab, pemikiran kritis atau *critical thinking* boleh dinyatakan sebagai '*al-tafkir al-naqdi*' atau '*al-fikr al-naqdi*'. Kalimah '*tafkir*' atau '*fikr*' berasal dari kata kerja '*fakkara-yufakkiru*' atau '*fakara-yafkiru*' yang bermaksud memikir atau berfikir dan kata terbitannya '*tafkir*' atau '*fikr*' yang bermakna pemikiran. Istilah '*naqdi*' pula berasal dari kata kerja '*naqada/naqida-yanqudu/yanqadu*' yang bermaksud sumbing atau sumpik, berbicara, berbahas, periksa, selidik dan mengkritik (Al-Ba'albaki & Ruhi, 2002: 770). Oleh yang demikian, '*al-fikr al-naqdi*' boleh diertikan sebagai suatu bentuk

pemikiran yang menyelidik, memeriksa dan mengkritik atau tidak hanya menerima sesuatu dengan mudah tanpa mengkajinya terlebih dahulu.

Berdasarkan perbandingan antara ketiga-tiga definisi dalam tiga bahasa di atas, didapati maksud 'pemikiran kritis' adalah mirip atau hampir sama walaupun terdapat sedikit perbezaan dari segi penjelasannya. Namun, ia juga bersifat saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Secara asasnya, pemikiran kritis merupakan satu aktiviti mental dengan berusaha mengkritik atau menyoal apa-apa yang difikirkan tidak sesuai, seterusnya memilih sesuatu yang benar-benar tepat dan meyakinkan. Pemikiran kritis juga merupakan satu proses atau aktiviti minda dalam menilai dan memastikan samaada sesuatu maklumat atau data yang diterima sah atau tidak.

Menurut Tokoh Islam

Konsep pemikiran kritis dalam Islam bertitik tolak daripada pemaknaan akal atau intelek manusia yang berasaskan pada perbahasan al-Quran dan al-Sunnah. Malah, ianya juga berhubung dengan teori ilmu dan epistemologi dalam Islam. Maka, definisi pemikiran kritis yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh Islam tidak terkeluar daripada roh dan jiwa ajaran Islam yang bukan semata-mata meletakkan akal dan rasional sebagai penyelesai kepada segala masalah sebagaimana yang dikemukakan oleh golongan Barat.

Jika ditinjau daripada tokoh-tokoh terdahulu yang telah melonjakkan intelektual tamadun Islam pada abad ke-10 hingga ke-17, mereka tidak membincangkan secara tersurat tentang bidang pemikiran kritis. Dengan kata lain, secara konseptual pemikiran kritis tidak dibahaskan oleh mereka tetapi diterjemahkan dalam bentuk yang praktikal. Hal ini dapat dilihat dalam perbahasan tentang bidang logik yang menjadi asas kepada bidang pemikiran kritis telah dikaji dan dianalisis secara sistematik bermula daripada al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina, al-Ghazali, Ibn Rusyd dan Ibn Khaldun. Karya-karya logik mereka telah menjadi rujukan kepada sarjana Islam dan Barat hingga kini. Bahkan metodologi pemikiran mereka mengandungi unsur-unsur dan elemen pemikiran kritis. Contohnya metode pemaduan (*tawfiqiyyah*) antara agama dan falsafah oleh al-Kindi, al-Farabi dan Ibn Sina, dalam konteks Ibn Rusyd terkenal dengan istilah '*al-ittisal*', kritikan al-Ghazali terhadap 20 persoalan yang dikemukakan oleh ahli falsafah dan metode keraguan (*doubt*) yang dikemukakan al-Ghazali terhadap metodologi ilmu sehingga mempengaruhi Descartes serta metode historis Ibn Khaldun yang berhubung dengan konsep '*umran*'.

Maka, dalam kalangan tokoh-tokoh yang disebutkan di atas, istilah pemikiran kritis tidak ditemui dalam mana-mana karya mereka tetapi perbahasan tentang akal dan hubungannya dengan bidang mantik khususnya banyak dijelaskan oleh mereka. Dalam teori (*nazari*) al-Farabi (1906), akal secara mudahnya telah dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu intelek material (*al-aql bi al-quwwah*), intelek nyata (*al-'aql bi al-fi'l*) dan intelek yang diperoleh (*al-'aql al-mustafad*).

Intelek material (*al-aql bi al-quwwah*) merupakan tahap akal yang paling rendah dan dipunyai semua manusia sejak lahir. Malahan, merupakan suatu tenaga positif untuk

menerima pendapat logik dan bersifat sensitif terhadapnya. Akal ini berpotensi untuk berfikir dan belum menerima latihan dan kemahiran berfikir (al-Farabi, 1906). Tahap akal yang kedua adalah intelek nyata (*al-'aql bi al-fi'l*) yang merupakan suatu tenaga yang bertindak terhadap maklumat-maklumat logik yang diterima melalui usaha berfikir yang berterusan. Manusia yang berada pada tahap ini bukan sahaja menerima segala maklumat yang logik tetapi berusaha untuk menganalisis segala maklumat tersebut (al-Farabi, 1906). Pada tahap inilah manusia telah terlibat dengan berfikir kritis yang mana adanya proses penapisan maklumat secara mendalam dan terfokus terhadap pelbagai aspek yang dibincangkan. Namun, bagi al-Farabi akal tahap ini masih lagi belum mencapai kebenaran sepenuhnya kerana ia bertindak mengikut pemikiran logik semata-mata. Maka, beliau telah memberikan satu lagi tahap akal yang paling tinggi iaitu intelek yang diperoleh (*al-'aql al-mustafad*). Akal ini seharusnya wujud dalam kalangan ahli falsafah, pemimpin dan hakim. Melalui akal ini mereka dapat menanggap perkara-perkara yang tidak dicapai oleh golongan manusia biasa kerana dengan akal ini para ahli falsafah dan lainnya dilimpahkan dengan ilham dan ilmu yang benar oleh Allah SWT melalui perantaraan intelek aktif (*'aql al-fa'al*) (al-Farabi, 1906). Untuk sampai ke tahap ini, golongan tersebut mestilah berusaha menggarap idea-idea melalui pemikiran yang mendalam, menganalisis, mentafsir, menghurai dan menjelaskan segala ilmu dan maklumat yang diperoleh mereka.

Walaupun perbahasan akal yang dibentangkan al-Farabi lebih berunsurkan falsafah, namun bagi penyelidik, secara tersiratnya, al-Farabi telah merintis metode berfikir kritis yang diadun dan diharmonikan daripada ahli falsafah Yunani.[1] Dari satu segi juga, pemikiran kritis al-Farabi bukan sahaja dilihat dari konteks penggunaan secara rasional, tanpa adanya hubungan dengan alam ketuhanan. Hal ini kerana asas dan metodologi ilmunya berasaskan kepada tradisi Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah (Osman Bakar, 1991). Jadi, apabila akal digunakan secara mendalam dan diselarikan dengan wahyu, maka akal manusia dapat mencapai hakikat kebenaran sebagaimana yang digagaskan dalam al-Quran supaya memerhati, mengkaji, dan memahami seluruh isi alam ini.

Mengakui sebagai murid al-Farabi, Ibn Sina (1938) mengembangkan lagi teori (*nazari*) akal al-Farabi. Beliau menambah satu lagi akal di antara akal tahap pertama dan tahap kedua yang dikemukakan al-Farabi, iaitu intelek lazim (*al-'aql bi al-malakah*). Pada tahap ini akal manusia telah mula dilatih untuk berfikir tentang hal-hal yang abstrak. Maka, maklumat-maklumat yang diterima diteliti dan difahami secara berkesan untuk mendapatkan sesuatu kebenaran apabila mencapai tahap akal yang seterusnya sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Farabi. Sebagai tokoh yang mempunyai daya hafalan dan ingatan yang kuat, Ibn Sina telah menghafal beberapa

[1] Sebagai ahli falsafah, al-Farabi sendiri telah menjadi pelopor kepada ilmu Mantik hasil daripada analisa, tafsiran, terjemahan, huraian dan penyelidikan yang mendalam terhadap pemikiran logik Aristotle sehingga beliau digelar *al-mu'allim al-thani*. Antaranya karya *De Anima* (*Kitab al-Nafs*) yang dikarang Aristotle telah diulang baca sebanyak seratus kali untuk mendalami maksud tersurat dan tersirat buku tersebut. Beliau bukan sahaja membaca dan memahami karya-karya Yunani tersebut tetapi telah mengolahnya ke dalam acuan pemikirannya yang tersendiri (Mat Rofa, 2015).

karya ahli falsafah Yunani sebelum dianalisis dan menjadikan ulasan dan kritikan al-Farabi sebagai panduannya. Sekiranya al-Farabi merupakan pengasas bidang logik secara sistematik, maka Ibn Sina pula pelengkap dan penyempurna bidang tersebut.

Imam al-Ghazali (2011) juga memberikan makna akal kepada empat kategori. Pertama, akal sebagai satu sifat atau pembawaan tabii (*gharizah*) yang membezakan manusia dengan makhluk lain dan berpotensi menerima ilmu yang berbentuk pemikiran dan spekulatif serta dapat menanggap perkara-perkara yang abstrak. Kedua, ilmu-ilmu *daruri* yang datang kepada kanak-kanak yang sudah mula berfikir. Ketiga, ilmu yang didapati melalui pengalaman. Keempat, satu kekuatan yang terbina dalam diri manusia yang membolehkannya mengetahui sebab dan akibat sehingga dapat mengawal nafsu duniawi seterusnya memandu mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Walaupun al-Ghazali membahagikan makna akal kepada empat kategori namun ia menyamai tahap akal yang telah dikemukakan oleh ahli falsafah di atas. Pendekatannya lebih bercorak keagamaan dan mempunyai hubungan yang erat dengan unsur-unsur kejiwaan atau kerohanian (Nasution, 1999).

Al-Ghazali (t.t.) juga mengumpamakan akal sebagai perdana menteri (*wazir*) yang membantu para raja (iaitu hati) untuk melancarkan pengurusan dan pentadbiran sesebuah kota. Hal ini bermakna akal memainkan peranan penting dalam mengawal tingkah laku dan pemikiran manusia supaya tidak terjebak dengan perkara-perkara yang merendahkan martabatnya. Menurutnya lagi, untuk sampai ke tahap atau makna akal yang keempat, makna akal kedua dan ketiga terlibat dengan pelbagai aktiviti logik dan rasional seperti memerhati (*al-nazar*), memerhati secara saksama (*al-tadabbur*), merenungkan (*al-ta'ammul*), melihat dengan mata hati (*al-istibshar*), menginterpretasikan (*al-i'tibar*), memikirkan (*al-tafkir*) dan mengingat (*al-tadhakkur*) (Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir, 2001). Istilah-istilah ini merupakan elemen-elemen pemikiran kritis yang terdapat dalam al-Quran (Zainoriah, 2015). Secara tidak langsung makna akal menurut al-Ghazali khususnya pada tahap kedua dan ketiga berhubung dengan konsep pemikiran kritis sebagaimana yang dikemukakan oleh ahli falsafah di atas. Hanya pendekatan dan peristilahannya yang berbeza.

Pada abad ke-18, revolusi dan pemodenan yang dibawa oleh Barat dan budaya taklid dan jumud masyarakat Islam telah membangkitkan budaya berfikir kritis dalam kalangan sarjana Islam khususnya dalam konteks ijtihad. Antara tokoh awal yang mensistematikkan bidang pemikiran kritis dan membincangkannya dalam konteks al-Quran adalah Syed Syeikh Ahmad al-Hadi, Harun Nasution, Iwad al-Qarni, Yusuf al-Qaradawi, Harun Yahya, dan lain-lain.

Dalam hal ini, Syed Syeikh Ahmad al-Hadi (1965) menjelaskan fungsi akal adalah untuk memerhati dan memikirkan tentang kejadian alam, sunnah dan peraturannya. Ia dilakukan dengan menyiasat asal usul sesuatu, mengkaji hubungan sebab-akibat, mendengar dan menilai apa yang didengar, mempelajari ilmu berkaitan alam ini dan membebaskan diri daripada warisan nenek moyang dan sifat taklid. Maka, dapat dilihat bahawa al-Hadi cuba menginterpretasikan konsep pemikiran kritis berdasarkan

usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh seseorang untuk menyahut seruan al-Quran dalam memikirkan alam ini.[2]

Kupasan tentang akal, pemikiran dan fungsinya juga dapat dilihat dalam pandangan Harun Nasution (1979) yang menyatakan penggunaan akal untuk mengembangkan ilmu pengetahuan adalah digesa dalam al-Quran. Ia mestilah berlandaskan penggunaan ayat-ayat *kawniyyah* yang mengandungi perintah agar manusia meneliti alam sekitarnya. Dalam hal ini, beliau membawakan istilah seperti *tadabbur, tafqih, nazar, tafakkur, ta'aqil, ulu al-albab* dan *ulu al-'ilm* merujuk kepada makna pemikiran. Secara tidak langsung, beliau telah membawakan konsep asas pemikiran kritis berpandukan istilah-istilah yang terkandung dalam al-Quran.[3]

Iwad al-Qarni (1418H) pula merupakan tokoh terawal yang menghuraikan konsep pemikiran kritis dengan menggunakan istilah *al-tafkir al-naqdi* atau *al-fikr al-naqdi*. Beliau mendefinisikan *al-tafkir al-naqdi* sebagai "pemikiran yang mampu melihat kekurangan, kesilapan dan keaiban yang terdapat pada sesuatu amalan, walaupun pemikir tersebut tidak mampu mengemukakan pandangan alternatif bagi menggantikan pandangan yang dikritiknya". Ini bermaksud pemikiran kritis berhubung dengan aktiviti menyelidik, mengkaji dan mengkritik sesuatu amalan atau perkara supaya ia dapat memperbaiki atau menghilangkan segala kekurangan dan kekeliruan sebelum menerimanya.

Berbeza dengan al-Qaradawi (1996), beliau menggunakan istilah akal/minda ilmiah (*al-'aqliyyah al-'ilmiyyah*) untuk merujuk kepada pemikiran kritis. Jenis akal ini berlawanan dengan akal awam (*al-'aqliyyah al-'amiyyah*) atau akal khurafat (*al-*

---

[2] Al-Syeikh Abdul Halim Mahmud (1998) dalam kitab *al-Islam wa al-'Aql* juga menyifatkan bahawa seseorang yang berfikiran, mengkaji dan merenung pada kebenaran akan berkesudahan dengan pengakuan, pengiktirafan dan keimanan. Sekiranya pemikiran yang tidak sampai ke tahap keimanan kepada Allah SWT merupakan orang yang mengikut datuk nenek atau orang dahulukala yang tidak mempunyai sebarang kelebihan. Beliau mengumpamakan golongan ini seperti binatang yang berjalan di belakang tuannya kerana ditarik atau dipandu tuannya. Maka, pemikiran yang sempurna adalah pemikiran atau akal yang dipandu oleh al-Quran dan al-Sunnah serta akal tunduk kepada kebenaran yang dibawa oleh wahyu Allah SWT.

[3] Tentang gesaan berfikir dalam al-Quran juga disentuh oleh Gamal al-Banna (2006) dengan membawakan dua bentuk pendekatan al-Quran terhadap aktitivi berfikir sebagai jalan menuju keimanan. Pertama, secara eksplisit (tersurat) al-Quran menyebut tentang istilah berfikir '*tafkir*' sebagaimana dalam surah Al-A'raf, 7:184 dan Ar-Rum, 30:8. Kedua, secara implisit (tersirat) al-Quran menyeru dan memerintahkan untuk berfikir tentang tanda-tanda kekuasaan Allah SWT melalui istilah '*tafakkur*' (Ali Imran, 3: 191, Yunus, 10: 24, Al-Baqarah, 2: 219 dan An-Nahl 16: 44), '*faqiha*' (al-An'am, 6: 65), '*tadabbur*' (An-Nisa', 4: 82 dan Sad 38: 29), '*i'tibar*' (al-Quran, 59: 2), '*tadhakkur*' (Ar-Ra'd, 13: 19, Maryam, 20: 44, Al-Baqarah, 2: 221, Ibrahim, 14: 25 dan lain-lain), '*tazkirah*' (Al-Haqqah, 69: 12, Al-Muzzammil, 73: 19 dan Al-Muddassir, 74: 54-55) dan lain-lain. Jamal Badi dan Mustapha Tajdin (2005) juga membincangkan tentang istilah *tafakkur, nazara, tabassur, tadabbur, tadhakkur, i'tibar, ta'aqqul,* dan *tawassum* sebagai galakan berfikir dalam al-Quran. Penulis juga menyatakan beberapa halangan berfikir yang disebutkan dalam al-Quran antaranya dalam surah al-An'am, 6: 110-111, As-Saf, 61: 5, Al-Baqarah, 2: 170, Al-Furqan, 25: 43, Al-Munafiqun, 63: 7 dan Ali 'Imran, 3: 11.

'aqliyyah al-khurafiyyah) yang membenarkan segala apa yang diterimanya dengan mudah tanpa meneliti kebenaran terlebih dahulu terutama apa yang datang daripada nenek moyang, pemimpin atau pembesar mereka. Jadi, *al-'aqliyyah al-'ilmiyyah* merujuk kepada pemikiran yang tidak menerima begitu sahaja maklumat yang didapat dengan menganalisis dan mengkaji secara mendalam tanpa mengira siapa yang melontarkan idea tersebut.

Walaupun kedua-dua sarjana ini menggunakan istilah yang berbeza namun definisinya merujuk kepada perkara yang sama. Huraian tentang bentuk pemikiran ini sebenarnya banyak disentuh dalam al-Quran supaya tidak mengikuti amalan nenek moyang yang bertentangan dengan seruan Ilahi (al-Quran, 2: 170, 31: 21, 43: 19-24, 5: 104) dan mengikut sangkaan (al-Quran, 10: 36). Al-Quran juga menekankan supaya mengkaji dan menyelidiki segala perkara dan maklumat yang diterimanya (al-Quran, 4: 83, 49: 6) berdasarkan bukti yang jelas (al-Quran, 17: 36), bersikap kritis dalam berbicara dan bijaksana dalam memberikan dalil (al-Quran, 39: 18) serta mampu memisahkan yang buruk dari yang baik seterusnya memilih kebaikan walaupun ia bersendirian mempertahankan kebaikan tersebut (al-Quran, 5: 100). Inilah yang menjadi asas perbincangan pemikiran kritis sarjana Islam, lebih-lebih lagi dalam persediaan untuk menghadapi dunia tanpa sempadan ini.

Sebagai sarjana yang memadukan pemikiran saintifik dengan al-Quran, konsep pemikiran kritis Harun Yahya (2000) dapat dilihat dalam karyanya *Deep Thinking*. Ini bermaksud beliau menggunakan istilah pemikiran mendalam (*deep thinking*) untuk mengajak umat Islam berfikir secara serius dan mendalam khususnya dengan mengkaji dan mengamalkan ayat-ayat al-Quran. Pemikiran yang dibentangkan ini mengetepikan pendapat majoriti tanpa diselidiki terlebih dahulu dan menolak sikap malas berfikir. Harun Yahya juga mengajak supaya lebih memikirkan tentang manusia, alam, kehidupan, akhirat, azab dan lain-lain. Ini bermaksud umat Islam tidak semestinya berfikir apabila menerima sesuatu maklumat tetapi proses berfikir kritis atau mendalam ini perlu dilakukan setiap masa supaya mereka memperoleh kebaikan yang menyeluruh di dunia dan di akhirat.

Secara keseluruhan, maksud pemikiran kritis menurut pandangan sarjana Islam awal dan juga sarjana Islam terkemudian, tidak mempunyai perbezaan yang ketara, kerana kedua-duanya memfokuskan potensi akal untuk menilai, menganalisis dan bertindak balas terhadap situasi dan keadaan sekeliling, di samping menjadikan al-Quran sebagai asas dan landasan pemikiran kritis. Para sarjana Islam meyakini bahawa akal berupaya untuk mencapai kebenaran apabila ia diselaraskan dengan wahyu. Apa yang penting, penggunaan akal secara kritis dan mendalam akan dapat memandu manusia mencapai kehidupan yang benar dan dapat menggambarkan identiti umat Islam yang berpaksikan ajaran wahyu Allah SWT. Ia juga dapat menguatkan keimanan dan keyakinan dengan memikirkan tentang alam dan segala isinya.

ISTILAH-ISTILAH PEMIKIRAN KRITIS DALAM AL-QURAN

Daripada definisi yang telah dikemukakan oleh para sarjana dalam pelbagai bidang, terdapat beberapa elemen atau ciri yang membentuk teori pemikiran kritis.[4] Ia melibatkan beberapa komponen yang membantu manusia berfikir secara benar dan berkesan. Hal ini kerana segala idea yang datang tidak mudah diterima tanpa menimbang baik buruk terlebih dahulu. Berfikir kritis adalah berfikir secara mendalam dan memberi pertimbangan yang serius tentang sesuatu idea.

Sebagai kitab petunjuk buat umat manusia, al-Quran telah menerapkan budaya pemikiran kritis ini di dalam ayat-ayatnya sejak lebih dari seribu empat ratus tahun yang lalu. Dari sudut teorinya, hakikat-hakikat alamiah atau ilmu-ilmu tentang alam yang luas ini banyak dibentangkan dalam al-Quran untuk disingkap oleh akal manusia supaya mereka memperoleh petunjuk daripadanya. Dalam hal ini terdapat beberapa istilah yang menjadi elemen utama pemikiran kritis, iaitu istilah *tafqih, tafakkur, tafahhum, ta'qil, tadabbur* dan *tadhakkur* (Zainoriah, 2015; Rosnani, 2004; Norfadelah & Ahmad Tijani, 2015). Istilah-istilah ini merujuk kepada gesaan aktiviti berfikir dalam al-Quran. Ia membabitkan proses atau kegiatan berfikir secara serius, terfokus dan mendalam. Proses ini berlaku di dalam minda atau akal manusia (Zainoriah, 2015). Penjelasan lebih lanjut berkaitan dengan istilah-istilah dapat dilihat dalam sub topik di bawah.

Tafqih

Istilah *tafqih* adalah berderivatif daripada *fiqh* yang berbentuk *ism* atau kata nama dan ia berasal daripada kata kerja *faqiha-yafqahu* ('Abd al-Baqi, 1981). Ia bermaksud

[4] Dalam konteks Barat, elemen pemikiran kritis melibatkan tiga jenis aktiviti mental manusia, iaitu analisis, sintesis atau tafsiran dan penilaian atau rumusan. Tiga jenis kemahiran ini berkait rapat dengan aspek penghujahan dan pendefinisian (konsep) yang menjadi elemen utama pemikiran kritis. Manakala idea, data, fakta dan andaian menyokong kepada elemen-elemen tersebut (Bloom, 1956). Daripada tiga jenis aktiviti mental tersebut, Watson dan Glaser (1980) telah mengembangkannya kepada lima kemahiran utama pemikiran kritis, iaitu mengenal pasti andaian, membuat andaian awal, membuat kesimpulan, mentafsir data, dan menilai hujah-hujah. Ennis (1987) pula menekankan lima aspek utama pemikiran kritis yang bermula daripada penganalisisan hujah-hujah, menilai kredibiliti sumber, membuat kesimpulan, menilai definisi dan mengenal pasti andaian serta membuat keputusan. Manakala elemen pemikiran kritis Beyer (2008) termasuklah adanya konsep kecenderungan (*disposition*), kriteria, hujah, penaakulan dan pandangan. Verlinden (2005) pula menyatakan terdapat lima kemahiran pemikiran kritis iaitu '*verbal reasoning, argument analysis, skill in thinking as hypothesis testing, using likelihood and uncertainty, and decision-making and problem solving*'. Walaupun kemahiran pemikiran kritis dikembangkan kepada lima elemen namun ia masih lagi berpaksikan pada tiga elemen asas tersebut. Elemen utama pemikiran kritis al-Quran melibatkan proses mental iaitu merenung atau berfikir mengenai sesuatu secara serius, dengan penuh kesedaran, rasa tanggungjawab, bersungguh-sungguh, mempunyai fokus, bermatlamat, terperinci serta mendalam. Elemen-elemen ini berhubung kait dengan tiga atau lima jenis aktiviti mental manusia yang disebutkan oleh tokoh Barat di atas. Sehubungan itu, penyelidik melihat adanya kesamaan idea terhadap aktiviti berfikir dengan merangkumkan istilah-istilah *tafqih, tafakkur, tafahhum, ta'qil, tadabbur* dan *tadhakkur* dengan tiga atau lima jenis aktiviti mental tersebut.

mengetahui, memahami, menyedari, mengerti, memperdalam, mengajar, menunjuk, mendidik, memberi faham, pintar, kepintaran, kefahaman, pengetahuan, ilmu *fiqh*, undang-undang syara', tinggi ilmu, pakar, dan seumpamanya (Al-Ba'albaki & Ruhi, 2002; al-Marbawi, 1990).

Kalimah *fiqh* dan semua derivatifnya digunakan sebanyak 20 kali di dalam al-Quran.[5] Pemaknaan al-Quran terhadap istilah *tafqih* lebih terfokus kepada maksud mengerti, mengetahui, memahami dan mendalami. Justeru, ia merujuk kepada memahami dan mengerti terhadap tanda-tanda kekuasaan Allah SWT yang wujud pada alam termasuk langit, bumi, diri dan jiwa manusia serta merenungi sunnah Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan dalam firmanNya yang bermaksud:

> *Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.*
>
> (Al-A'raf, 7: 179)

Maksud ayat di atas adalah istilah *yafqahun* menekankan usaha memahami dan mengetahui ayat-ayat Allah SWT melalui pemikiran yang mendalam bagi mendapatkan petunjuk atau kebenaran. Segala pancaindera termasuk hati diciptakan oleh Allah SWT harus digunakan dengan sebaik mungkin supaya tidak menyerupai binatang ternak yang memiliki serendah-rendah martabat (Ibn Kathir, 1999). Hal ini bermakna segala kebaikan dan kebenaran dalam agama perlu diteliti dan difahami secara mendalam dan menyeluruh melalui proses pemahaman dan pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini kerana pembelajaran berasaskan agama memerlukan kemahiran berfikir yang tinggi bagi memahami hikmah di sebalik setiap perintah Allah SWT melalui dalil-dalilNya supaya dapat diaplikasikan dalam kehidupan (Wan Mat & Norkhairiah, 2011).

Tafqih juga merujuk kepada menganalisis bukti-bukti sejarah yang dipaparkan dalam al-Quran sebagai iktibar dan memahami tujuan-tujuan syariat Allah SWT (al-Qaradawi, 1998). Berfikir bukan sekadar mengetahui makna tersurat tetapi memahami makna tersirat berdasarkan bukti dan hujah-hujah Allah SWT terhadap alam ini sekali gus dapat mengukuhkan keimanan seseorang.

---

[5] Terdapat enam bentuk derivasi bagi istilah ini. Bentuk-bentuk tersebut adalah *tafqahun* sebanyak 1 kali (Al-Israa', 17: 44), *nafqahu* 1 kali (Hud, 11: 91), *yafqahu* 1 kali (Taha, 20: 28), *yafqahun* 13 kali (An-Nisa', 4: 78, Al-An'aam, 6: 65 & 98, Al-A'raf, 7: 179, Al-Anfal, 8: 65, At-Taubah, 9: 81, 87 & 127, Al-Kahfi, 18: 93, Al-Fath, 48: 15, Al-Hasyr, 59: 13 dan Al-Munafiqun, 63: 3 & 7), *yafqahuh* 3 kali (Al-An'aam, 6: 25, Al-Isra', 17: 46 dan Al-Kahfi 18: 57), dan *yatafaqqahu* 1 kali (Al-Anfaal, 9: 122) (Zainoriah Kadri, 2015).

The current issue and full text archive of this journal is available at
http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat

Tafakkur

Kalimah *tafakkur* yang berbentuk kata nama atau disebut juga dengan istilah *tafkir/fikr* berasal dari kata kerja *fakara-yafkiru* atau *fakkara-yufakkiru* (Al-Ba'albaki & Ruhi, 2002). Secara leksikal, ia bermakna menggunakan daya akal di dalam suatu urusan dan menyusun suatu masalah yang diketahui untuk mengetahui sesuatu yang sebelumnya belum diketahui (Mustafa, 1972). Istilah *tafakkur* dan derivatifnya yang berbeza digunakan sebanyak 18 kali di dalam keseluruhan al-Quran ('Abd al-Baqi, 1981). Antaranya dapat ditemui dalam surah Ar-Rum, 30: 8 & 21 dan Al-Muddathir, 74: 18.

Secara istilahnya, *tafakkur* merupakan proses berfikir dengan menganalisis tanda-tanda *kawniyyah* yang terwujud pada alam semesta yang terbentang luas dan juga kemukjizatan ayat-ayat al-Quran sebagaimana yang disebut dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

> *Dan Dia lah yang menjadikan bumi terbentang luas, dan menjadikan padanya gunung-ganang (terdiri kukuh) serta sungai-sungai (yang mengalir). Dan dari tiap-tiap jenis buah-buahan, Ia jadikan padanya pasangan: dua-dua. Ia juga melindungi siang dengan malam silih berganti. Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang (mahu) berfikir.*
>
> (Ar-Ra'd, 13: 3)

Manusia digesa untuk memikirkan tentang pelbagai perkara seperti tumbuhan, tanaman, buah-buahan dan bunga-bungaan yang Allah SWT hidupkan dengan turunnya air hujan, terhamparnya bumi untuk manusia dengan gunung-ganang dan sungai-sungai yang wujud padanya, serta kejadian malam dan siang yang manusia lalui setiap hari (Zainoriah, 2015). Ini bermakna proses berfikir dan menganalisis perlu dilakukan setiap masa, kerana dengan berfikir seseorang dapat mengingati Allah SWT dan dapat mengambil pengajaran daripadanya.

Menurut Imam al-Ghazali (2011), *tafakkur* mempunyai dua bahagian. Pertama, *tafakkur* pada sifat-sifat diri dan perbuatan dirinya yang mengandungi empat aspek iaitu kemaksiatan zahir, ketaatan zahir, sifat-sifat yang merosakkan dan sifat-sifat yang menyelamatkan. Kedua, *tafakkur* tentang kejadian ciptaan Allah SWT dan tanda-tanda kekuasaan Allah SWT. Hal ini menambahkan makrifat manusia kepada keagungan zatNya, sifat-sifatNya dan nama-namaNya.

Justeru, berfikir kritis bukanlah mengkritik kepada masalah-masalah yang timbul tetapi proses berfikir untuk memperoleh kebenaran setiap perkara yang wujud di sekeliling manusia sepanjang masa. Alam dan seluruh isinya merupakan tanda dan hujah yang dibawakan oleh Allah SWT untuk kegunaan dan manfaat manusia seluruhnya.

Tafahhum

Perkataan *tafahhum* atau disebut juga *tafhim/ifham/fahm* bermaksud kefahaman atau pengertian. Ia didasarkan kepada kata kerja *fahhama* atau *afhama* yang berasal dari kata kerja *fahima-yafhamu*. Kata kerja asas *fahima-yafhamu* membawa pengertian tahu, mengetahui, mengerti, memahami, menyedari, menanggapi, memberi, mendapat, meminta pengertian, melihat, nampak, memberi faham, bijak, berakal, yang difahami, yang dimengerti, kefahaman, dan lain-lain lagi (al-Marbawi, 1990; Al-Ba'albaki & Ruhi, 2002).

Satu-satunya ayat yang menyebut tentang istilah *tafahhum* yang diderivatif dari kata kerja *fahhama* sebagaimana yang terdapat dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

> *Maka Kami beri Nabi Sulaiman memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak); dan Kami mudahkan gunung-ganang dan unggas memuji Kami bersama-sama dengan Nabi Daud; dan adalah Kami berkuasa melakukan semuanya itu.*
>
> (Al-Anbiya', 21: 79)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT telah memberikan kefahaman dan pengertian yang mendalam kepada Nabi Sulaiman AS dalam membuat keputusan terhadap hukuman yang akan dikenakan kepada gembala kambing yang telah melepaskan kambingnya sehingga memakan tanaman petani di kampungnya (Hamka, 2003). Dalam mentafsirkan ayat 79 daripada surah Al-Anbiya' ini juga, Ibn Kathir (1999), menekankan kebolehan seseorang dalam mengeluarkan fatwa berdasarkan kefahaman yang mendalam terhadap ilmu yang dimilikinya. Nabi Sulaiman AS dianugerahkan kemahiran mentafsir hukum-hakam dan berupaya memilih hukuman yang benar-benar adil dan saksama.

Merujuk kepada kalimah *fahhamna*, Shah Wali Allah al-Dihlawi (1999) memfokuskan kepada seseorang yang diberi faham atau dilimpahi rahmat dan ilmu Ilahi ke dalam jiwa oleh Allah SWT khususnya golongan para Nabi. Maka, kefahaman atau pengertian yang diperoleh meliputi ilmu yang mendalam dan tinggi yang memerlukan kepada usaha pemikiran yang berterusan.

Ta'qil

Kalimah *ta'qil* atau disebut juga *'aql* berasal daripada *'aqala-ya'qilu* yang bermaksud menyedari, memahami, mengetahui, berfikir, menggunakan akal fikiran (Al-Ba'albaki & Ruhi, 2002), mengerti, berakal, memikir, menyedari, menahan, tambat, ikat, hati, akal, bijaksana, minda, intelek, cerdas, diterima akal, tidak nyanyuk, dan seumpamanya (al-Marbawi, 1990). Kata kerja *'aqala-ya'qilu* dengan lima bentuk derivatifnya yang berlainan digunakan sebanyak 49 kali di dalam al-Quran ('Abd al-Baqi, 1981). Antaranya dapat ditemui dalam surah Al-Baqarah, 2:75, Al-'Ankabut, 29: 43, Ar-Rum, 30: 6-7 dan lain-lain.

Secara istilah, *ta'qil* merujuk kepada proses memberi faham dan memahami yang bukan hanya aspek-aspek nyata dan dapat dilihat melalui pancaindera seperti alam ini tetapi memahami perkara-perkara yang abstrak seperti konsep ketuhanan, alam akhirat, syurga neraka dan dosa pahala. Perkara ini ditegaskan oleh Allah SWT sebagaimana dalam firmanNya yang bermaksud:

> *Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?*
>
> (Al-Baqarah, 2: 44)

Dengan ini, seseorang itu dapat memahami segala pengertian tersebut dan menghubungkan konsep-konsep yang konkrit dan nyata supaya dapat menyeimbangkan kehidupan dunia dan akhirat (Musa Asy'arie, 2002).

Tadabbur

Perkataan *tadabbur* atau *tadbir* berasal dari kata kerja *tadabbara* yang bermakna berfikir dengan mendalam, memerhati, merenung, menimbang dengan berhati-hati, dan yang seumpamanya (Al-Ba'albaki & Ruhi, 2002). Istilah *tadabbara* pula berasal dari kata kerja *dabara-yadburu* yang bererti melewati atau melampaui waktu, berpusing atau berpaling ke belakang (al-Marbawi, 1990) atau dari kata *dabbara* yang bermaksud mengatur, mentadbir, merancang dan yang seumpamanya (Al-Ba'albaki & Ruhi, 2002).

Berdasarkan *al-Mu'jam al-Mufahras* (1981), bilangan ulangan bagi kalimah yang berasal dari kata kerja *dabara-yadburu* atau *dabbara-yudabbiru* adalah sebanyak 44 kali dalam al-Quran. Bagi kata *tadabbur* yang berasal dari kata kerja *tadabbara* dengan maksud men*tadabbur* al-Quran, ia terulang sebanyak empat kali, iaitu dalam surah Sad, 38: 29, Al-Mu'minun, 23: 68, Muhammad, 47: 24 dan An-Nisa', 4: 82.

Kalimah *tadabbur* merupakan istilah al-Quran yang tulen dan khusus untuknya sahaja. Istilah ini tidak digunakan untuk kitab atau buku-buku lain, yang selain daripada al-Quran. Pembaca al-Quran diarah oleh al-Quran sendiri agar membacanya secara tartil dan berhati-hati, sambil cuba memahamkan makna-maknanya, berfikir tentangnya, dan mengambil pelajaran daripadanya (Zainoriah, 2015) sepertimana yang disebut dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

> *Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Quran? Kalaulah al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.*
>
> (An-Nisa', 4: 82)

Kesan utama daripada membaca al-Quran secara ber*tadabbur* adalah hati dan pemikiran seseorang akan bersatu dalam memahami makna yang terkandung dalam

sesuatu ayat. Kesatuan hati dan pemikiran ini akan menghasilkan natijah yang selari dengan tuntutan al-Quran itu (Rohana, Zikmal & Mohd Nur Adzam, 2014). Maka, *tadabbur* merupakan suatu ajakan, seruan atau galakan agar manusia berfikir, memerhati, memahami, merenung, menimbang, mengkaji serta membuat kesimpulan dengan adil dan baik mengenai *Kalam* Allah yang mereka dengar dan baca itu. Ia disebut *tadabbur* kerana ia merupakan suatu usaha memikirkan tentang kesan atau akibat setiap permasalahan. Ia juga melibatkan usaha melihat permulaan dan akhirnya, kemudian kembali melakukan penyelidikan dan pengkajian berkali-kali (al-Qaradawi, 1998).

Dengan men*tadabbur* al-Quran juga, umat Islam dapat mengaplikasikan jalan penyelesaian masalah yang digariskan dalam al-Quran berdasarkan kisah-kisah sejarah umat-umat terdahulu. Kaum 'Ad dan kaum Thamud telah dibinasakan kerana keingkaran mereka terhadap seruan para Nabi untuk kembali mentauhidkan Allah SWT. Dengan ini, umat Islam dapat mengambil iktibar dan pengajaran daripada kisah tersebut dengan meluruskan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT. Usaha dan pengkajian yang berterusan akan dapat menghasilkan natijah yang baik dan memperoleh keyakinan yang tinggi dalam memilih jalan penyelesaiannya.

Tadhakkur

Kalimah *tadhakkur* berasal daripada kalimah *zikr* yang bermaksud sebutan atau ingatan (Al-Ba'albaki & Ruhi, 2002). Maka, istilah *tadhakkur* diambil dari kata kerja *tadhakkara* yang berasal dari kata kerja *dhakara-yadhkuru*. Ia bermaksud mengingat, menyebut, mengenang, mengucap, memuji, membesarkan, memikir, merujuk, memberi peringatan, pelajaran, peringatan, masyhur, sebutan, ingatan, kemuliaan, sembahyang, doa, yang disebut dan sebagainya (al-Marbawi, 1990; Al-Ba'albaki & Ruhi, 2002; Norfadelah & Ahmad Tijani, 2015).

Istilah *tadhakkur* yang diderivatif dari kata kerja *dhakara-yadhkuru* dan bentuknya yang berlainan diulang sebanyak 285 kali di dalam al-Quran ('Abd al-Baqi, 1981). Ia digunakan dalam 61 bentuk derivasi yang berbeza (Zainoriah, 2015). Antaranya disebut dalam surah Al-Ahzab, 33: 21, Al-Isra', 17: 46, Al-Furqan, 25: 73, Ghafir, 40: 44, Maryam, 19: 67 dan salah satunya dalam ayat di bawah yang bermaksud:

> *(lalu Allah menempelak mereka): "Bukankah Kami telah melanjutkan umur kamu dan memberikan masa yang cukup untuk berfikir dan beringat padanya oleh sesiapa yang suka berfikir dan beringat?"*
>
> Fatir, 35: 37)

Menurut al-Qaradawi (1998), *tadhakkur* bermaksud pengulangan dalam hati tentang apa yang telah diketahui untuk lebih menguatkan dan memantapkannya sehingga tidak lenyap atau terhapus dari hatinya. Dalam hubungannya dengan konteks penyelesaian masalah, usaha berfikir tentang nikmat-nikmat dan tanda-tanda keagungannya melalui alam, berzikir dengan menyebut nama-nama Allah SWT dan seumpamanya akan dapat menyelesaikan masalah umat. Hal ini kerana semua

punca masalah datang daripada Allah SWT dan hanya Dia yang berkuasa menyelesaikan masalah. Kembali mengingati Allah SWT adalah cara terbaik untuk memantapkan keimanan dan memperoleh kebahagiaan serta membebaskan diri daripada masalah dunia. Hal ini bukan bermakna lari daripada masalah dunia tetapi dengan mengingati Allah SWT, maka Dia akan melorongkan jalan penyelesaian bagi hambaNya yang bertakwa.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Berdasarkan maksud pemikiran kritis yang dibincangkan di atas, ia mempunyai hubungan yang erat dengan istilah *tafqih, tafakkur, tafahhum*, *ta'qil, tadabbur* dan *tadhakkur* yang terdapat dalam al-Quran. Secara maknawi, maksud setiap istilah yang diungkapkan dalam al-Quran boleh dirangkumkan kepada beberapa pengertian. Istilah *tafqih* dan *tafakkur* bermaksud analisis, *tafahhum* bermaksud mentafsir dan memahami, *ta'qil* bermaksud mensintesis, *tadabbur* bermaksud menilai dan *tadhakkur* bermaksud merumus. Semua elemen ini menjadi asas kepada perbincangan pemikiran kritis moden yang menekankan aspek analisis penghujahan, konsep dan penyelesaian masalah.

Justeru, Istilah *tafqih* dan *tafakkur* berhubung erat dengan analisis penghujahan yang terdapat dalam konteks pemikiran kritis moden.[6] Analisis dan hujah merupakan asas utama dalam tradisi intelektual Barat dan kini ia telah menjadi tonggak dalam sistem pendidikan negara. Analisis digunakan dalam memahami pelbagai situasi yang kompleks, rumit dan membingungkan dengan memecah-mecahkan situasi kepada beberapa bahagian kecil. Dalam hal ini, ia akan menghasilkan kepelbagaian huraian berdasarkan fakta-fakta yang berkaitan dan andaian-andaian yang logik seterusnya dapat memahami keseluruhan masalah atau isu yang berlaku (Ainon & Abdullah, 1996).

Istilah *tafahhum* dan *ta'qil* pula berhubung erat dengan aspek konsep (definisi) yang menjadi sebahagian dalam perbincangan bidang pemikiran kritis moden. Kefahaman tentang konsep (definisi) dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan adalah asas bagi membina daya pemikiran yang kritis. Ia merupakan idea umum yang digunakan untuk mengenal pasti dan menyusun pengalaman lalu (Chaffe, 2015). Memahami konsep penting sebagai asas memperkukuhkan pola-pola berfikir secara yang lebih mampan dan terarah serta membantu manusia menguruskan pemikiran dan tindakan seharian. Ia melibatkan persepsi, inferens dan fakta. Menerusinya manusia dapat mengenal pasti, membanding, mengklasifikasi, mencirikan, menyatukan konsep-konsep atau idea-idea yang benar dan palsu (Mohd Azhar, 2003). Tanpa kefahaman tentang sesuatu konsep, manusia tidak dapat mengungkapkan sebarang pemikiran sekali gus menyebabkan salah faham terhadap sesuatu peristiwa, isu, perkara dan sebagainya.

[6] Bidang pemikiran kritis juga dikenali sebagai analisis penghujahan kerana ia bertujuan mengajarkan kaedah-kaedah pemikiran yang digunakan untuk berhujah secara lebih berkesan (Mohd. Michael, 1995). Ia juga membantu seseorang dalam melahirkan sesuatu konsep yang benar dan betul. Dalam hal ini, aspek penghujahan dan pendefinisian (konsep) menjadi elemen utama dalam bidang pemikiran kritis.

Hal ini bertentangan dengan konsep pemikiran kritis yang bertujuan untuk mencapai satu kesimpulan yang benar dan berkesan. Walaupun dalam konteks logik formal aspek penghujahan dan pendefinisian dibincangkan secara berasingan tetapi ia mempunyai hubungan yang erat kerana kedua-duanya melengkapkan antara satu sama lain. Tanpa konsep atau definisi yang betul, suatu penghujahan tidak dapat diterima dengan sepenuhnya.

Sementara istilah *tadabbur* dan *tadhakkur* berhubung erat dengan aspek menilai maklumat atau fakta dan menyelesaikan masalah. Proses ini dilakukan berdasarkan pemerhatian, pengalaman, refleksi, penaakulan dan komunikasi (Mohd Azhar, 2003). Ia juga merupakan proses akhir dalam kemahiran berfikir kritis. Dalam aspek *tadabbur* dan *tadhakkur,* apabila seseorang telah memahami masalah dan isu yang timbul melalui usaha menganalisis dan mengkonsep, maka ia dapat menilai dan memilih jalan penyelesaian yang terbaik dan berfokus. Maka, kesimpulan-kesimpulan yang diperoleh daripada kemahiran berfikir kritis bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah tetapi dapat mengesahkan kebenaran yang sedia ada serta melahirkan idea-idea baru (Chaffe, 2015). Dengan ini, umat yang berfikir kritis dapat membangunkan jati diri yang tersendiri dalam kerangka wahyu Allah SWT.

Secara umumnya, al-Quran bukan sahaja menggalakkan umat Islam untuk berfikir malah mengajar manusia bagaimana untuk menggunakan akal fikiran dengan sebaiknya. Antaranya terkandung dalam istilah-istilah yang berhubung dengan pemikiran kritis sebagaimana yang dipaparkan dalam perbincangan di atas.

KESIMPULAN

Pemikiran kritis Islam meliputi pelbagai kemahiran kognitif dan intelektual yang diperlukan bagi mengenal pasti, menganalisis dan menilai sesuatu hujah dan kesahan sesuatu idea dengan berkesan. Setiap kemahiran ini bertujuan memastikan segala idea atau perkara yang diterima atau dihasilkan tidak dipengaruhi elemen-elemen yang mengurangkan nilai kebenaran. Dengan kata lain, pemikiran kritis Islam dapat memandu dan membantu manusia mencapai resolusi yang terbaik dalam melaksanakan aktiviti seharian. Hal ini juga kerana aktiviti berfikir kritis bukan sahaja berlaku dalam kalangan ahli akademik tetapi juga digunakan oleh pelbagai peringkat kerana semua golongan umat manusia digalakkan untuk berfikir dalam memahami dan menghayati segala suruhan Allah SWT.

Justeru, asas kepada pemikiran kritis Islam adalah keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT kerana Dialah yang memandu pemikiran manusia ke arah kebenaran. Maka, konsep pemikiran kritis Islam tidak terkeluar daripada sumber utama Islam, iaitu al-Quran. Di dalamnya terdapat gesaan, galakan dan suruhan berfikir secara kritis dengan merenung, menyelidiki dan memerhatikan alam ini secara mendalam supaya umat Islam memperoleh kebaikan daripadanya. Dengan kata lain, umat Islam disarankan untuk memerhati tanda-tanda kekuasaan Allah SWT, melakukan tindak balas dengan mengingatiNya, mengambil iktibar daripada pengalaman umat terdahulu, menggunakan akal yang rasional dalam batasan wahyu dan berkomunikasi dengan Allah SWT melalui solat dan doa. Secara signifikannya, istilah *tafqih, ta'qil,*

The current issue and full text archive of this journal is available at
http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat

tafakkur, tafahhum, tadhakkur dan *tadabbur* telah dikemukakan dalam al-Quran supaya manusia menggunakan akal secara berhemah bagi menghadapi setiap cabaran kehidupan dengan berlandaskan wahyu.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran. 2000. Terj. Sheikh Abdullah Basmeih. Cet. ke-11. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir. 2001. *Nuansa-nuansa Psikilogi Islam*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.

Ainon Mohd & Abdullah Hassan. 1996. *Pemikiran Logikal & Kritikal*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abd al-Baqi, Muhammad Fu'ad. 1981. *Al-Mu'jam al Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Bayrut: Dar al-Fikr

Al-Ba'albaki, Munir & Ruhi. 2002. *Al-Mawrid al-Wasit Mazduj: Qamus 'Arabi-'Inkilizi*. Cet. ke-7. Beirut, Lubnan: Dar al-'Ilm li al-Malayin.

Al-Banna, Gamal. 2006. *Al-Islam wa al-'Aqlaniyyah*. Terj. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Beyer, B. K. 2008. What Research Says About Teaching Thinking Skills. *Journal The Social Studies*, 99 (5): 223-232.

Bloom, B. S. (Ed.). 1956. *Taxonomy of Educational Objectives the Classification of Educational*. London: Longmans, Green and Co Ltd.

Chaffe, J. 2015. *Thinking Critically*. *Boston: Houghton Wifflin Company*.

Al-Dihlawi, *Shah Wali Allah*. 1999. *Hujjah Allah al-Balighah*. Cet. ke-3. Beirut: Dar Ihya' al-'Ulum.

Ennis, R. 1987. A Taxonomy of Critical Thinking Dispositions and Abilities. Dlm. J.B. Baron & R.J. Sternberg, (ed.). *Teaching Thingking Skills: Theory and Practice*. New York: W.H. Freeman and Company; 9-26.

Al-Farabi, Abu al-Nasr Muhammad Bin Muhammad. 1906. *Ara' al-Madinah al-Fadilah*. Misr: Matba'ah al-Sa'adah.

Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad. 2011. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jeddah: Dar al-Minhaj li al-Nasr wa al-Tawzi'.

Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad. t.t. *Kimiya' al-Sa'adah*. Beirut: al-Maktabah al-Sa'biyyah.

Al-Hadi, Syed Sheikh bin Ahmad. 1965. *Ugama Islam dan Akal*. Kota Bharu, Kelantan: Percetakan Pustaka Dian.

Hamka. 2003. *Tafsir Al-Azhar*. Cet. ke-5. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Harun Nasution. 1979. *Kedudukan Akal dalam Islam*. Jakarta: Yayasan Idayu.

Harun Yahya. 2000. *Deep Thinking*. Terj. Mustapha Ahmad. London: Ta-Ha Publishers.

Hasyimsyah Nasution. 1999. *Filsafat Islam.* Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama.

Hui, Lim Kim. 2009. *Seni Pemikiran Kritis Satu Pendekatan Logik Tak Formal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il bin 'Umar. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-'Karim*. Cet. 2. Riyad: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Ibn Sina. 1938. *Al-Najah fi al-Hikmah al-Mantiqiyyah wa al-Ilahiyyah*. Kaherah: Matba'at al-Sa'adah.

Jamal Badi & Mustapha Tajdin. 2005. *Creative Thinking: An Islamic Perspective*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.

Kamus Dewan. 1994. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmud, Abdul Halim. 1998. *Al-Islam wa al-'Aql*. Cet. 4. Kaherah: Dar al-Ma'arif.

Maria Salih. 2013. Konsep Pemikiran dan Kemahiran Berfikir Kritis. Dlm. *Pemikiran Kritis dan Kreatif: Konsep, pendekatan dan aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Nurulhuda Abd Rahman dan Md Nasir Ibrahim (ed.). Perak: Penerbit UPSI.

Mat Rofa Ismail. 1994. *Mantik, Matematik dan Budaya Ilmu Pendekatan Bersepadu Dalam Tradisi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mat Rofa Ismail. 2015. *Mantik dan Etnomantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Marbawi, Muhammad Idris 'Abd al-Ra'uf. 1990. *Qamus al-Marbawi: 'Arabi-Malayuwi*. Cet. ke-4. Dar al-Fikr.

Mohd Azhar Abd Hamid. 2003. *Meningkatkan Daya Fikir; Panduan Memahami Konsep-konsep Asas Serta Fungsi Pemikiran Dalam Kehidupan Manusia*. Pahang: Pts Publications & Distributors Sdn Bhd.

Mohd Michael Abdullah. 1995. *Pemikiran Kritis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Musa Asy'arie. 2002. *Filsafat Islam: Sunah Nabi dalam Berfikir*. Cet. ke-3. Yogyakarta: LESFI.

Mustafa, Ibrahim et al. 1972. Al-Mu'jam al-Wasit. Istanbul, Turki: Al-Maktabah al-Islamiyyah.

New Oxford Englilsh-English-Malay Dictionary. 2007. Terj. Zubaidah Abdul Rahman. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Norfadelah Nordin & Ahmad Tijani Surajudeen. 2015. Islamic Theoritical Model For Critical Thinking In Teaching And Learning Of Islamic Education. *GSE E-Journal of Education.* Vol. 3; 34-44.

Osman Bakar. 1991. *Al-Farabi: Kehidupan, Hasil Karyanya dan Peri Penting Tokoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Qaradawi, Yusuf. 1996. *Al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Quran al-Karim*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Qaradawi, Yusuf. 1998. *Al-Quran Berbicara tentang Akal dan Ilmu Pengetahuan*. (Terj.) Abdul Hayyie al-Kattani et al. Jakarta: Gema Insani Press.

Al-Qarni, 'Iwad ibn Muhammad. 1418 H. *Hatta la Takuna Kallan*. Jeddah: Dar al-Andalas al-Khadra'.

Rosnani Hashim. 2004. *Educational Dualism in Malaysia: Implication for Theory and Practice, 2nd Edition*. Kuala Lumpur: The Other Press.

Rohana Zakaria, Zikmal Fuad & Mohd Nur Adzam Rasdi. 2014. *Implikasi Tadabbur Al-Quran Dalam Pembentukan Insan Yang Berkualiti Di Sudut Akhlak*. Proceeding of International Conference on Postgraduate Research (ICPR 2014). 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA.

The Concise Oxford Dictionary. 1990. Edisi Baru. New York: Oxford University Press.

Verlinden, Jay. 2005. *Critical Thinking and Everyday Argument*. Belmont, CA: Thomson Wadsworth Learning.

Wan Mat bin Sulaiman, Norkhairiah binti Pg. Hj, Hashim. 2011. Aplikasi Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran Pengetahuan Ugama Islam. *Journal of Applied Research in Education* 15 (2): 43–58.

Watson, G. & Glaser, E.M. 1980. *Watson-Glaser Critical Thinking Appraisal: Form A. San Antonio: Psychological Corporation.* Harcourt Brace and Co.

The current issue and full text archive of this journal is available at
http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat

Zainoriah Kadri. 2015. *Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif al-Quran: Kajian Surah al-Rum*. Tesis Kedoktoran Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya.